



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 12/12/2019 | MUKA SURAT | : | 31 |
| JABATAN | : | SPAN / SAP | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

SAP sedia pelan atasi masalah air

KANGAR - Syarikat Air Perlis (SAP) telah menyediakan pelan bagi menyelesaikan beberapa isu air yang dihadapi rakyat negeri ini.

Exco Kemudahan dan Prasarana Awam, Hamizan Hassan berkata, antara perancangan yang akan dilaksanakan ialah kerja-kerja pencucian paip agihan.

Katanya, kerja-kerja penyucian itu akan dilakukan segera berdasarkan aduan diterima.

"Pengguna yang memasang penapis air diminta membuat cuci-



an secara berkala bagi mengelak kotoran terkumpul di sekitar penapis air dan saluran paip rumah masing-masing," katanya ketika menjawab soalan lisan Ketua Pembangkang, **Tuan Asrul Nizam Abd Jalil (PKR-Sena)** mengenai pelan tindakan kerajaan negeri menyelesaikan masalah air di Perlis.

Kata Hamizan, bagi me-

nyelesaikan masalah tekanan air perlahan, pihak SAP akan menjalankan kerja pembaikan segera melibatkan kebocoran paip, kerosakan pam dan menukar paip air komunikasi lama jenis *carbonis iron* (GI) kepada paip *high density polyethylene* (HDPE).

"Kesemua kerja itu bergantung kepada peruntukan dan pengguna perlu menukar sendiri paip lama," katanya.

Katanya, SAP juga membentuk pasukan pemantau berkala terhadap masalah bekalan air.



Sidang Dun Perlis berlangsung di Kompleks DUN di Kangar semalam.